



**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD
(KOSMA)**

Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) merupakan koperasi yang berwibawa, bergiat dalam industri Perladangan Kelapa Sawit, Perhotelan, Ar-Rahnu Dan Hartanah.

KOSMA mempelawa warganegara Malaysia yang berkeelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan Pemandu dan mencari individu untuk menyertai KOSMA yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- i) Mempunyai **Keterampilan** yang baik.
- ii) Mempunyai **Bakat dan Semangat** yang tinggi dalam bekerja
- iii) Mempunyai **Bakat Kepimpinan**
- iv) Mempunyai **Jati Diri Cemerlang** dan
- v) Mempunyai **Kelayakan atau Pengalaman** yang luas dengan jawatan

Syarat Lantikan **WAJIB**: Warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

Terma dan syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:

1. NAMA JAWATAN : **PEMANDU (IBU PEJABAT)**
2. TARAF JAWATAN : KONTRAK
3. GRED : N4
4. SKIM GAJI : RM 1,733 [N4P1T1] – RM 6,373 [N4P1T30]
5. ELAUN : (a) Perumahan – RM 450.00
(b) Telefon – RM 100.00
6. Lain-lain kemudahan akan ditentukan oleh pihak pengurusan.
7. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas mengendalikan kenderaan koperasi, pemeriksaan & penyelenggaraan asas kenderaan, pengurusan rekod perjalanan, penghantaran dokumen & barangan dan lain-lain tugas am.

8. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

Calon-calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) Memiliki Kelayakan ;
 - i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;**DAN**
 - ii) Lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
 - iii) Mempunyai Lesen Memandu Kelas D / E / E1 / E2 / F / G / H / I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)] dan
 - iv) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.
- d) Tidak mempunyai sebarang rekod jenayah atau tindakan mahkamah secara bertulis.
- e) Keutamaan di beri kepada anak anggota koperasi yang lahir di Pahang dan rakyat Negeri Pahang Darul Makmur atau mana-mana kakitangan yang layak dan sedang berkhidmat di KOSMA dengan memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.

9. CARA MEMOHON

Borang Permohonan boleh dimuat turun melalui Laman Web KOSMA, www.kosma.com.my. Permohonan hendaklah secara bertulis melalui resume dan disertakan salinan sijil-sijil akademik/transkrip, salinan kad pengenalan serta sekeping gambar berukuran passport dan lain-lain dokumen sokongan (jika ada) dihantar ke alamat seperti berikut:

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD (KOSMA),
B-8032, SRI KUANTAN SQUARE,
JALAN TELUK SISEK,
25000 KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR
(U/P: BAHAGIAN PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA)

TARIKH IKLAN : 15HB SEPTEMBER 2026

TARIKH TUTUP : 28HB SEPTEMBER 2026

Catatan Am:-

- 1) Calon-calon akan ditapis dengan teliti dan hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga.
- 2) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.
- 3) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.